

BN wujudkan perpaduan kaum

Oleh ZULKEFLI HAMZAH

PONTIAN 20 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kejayaan perpaduan antara kaum di negara ini adalah disebabkan wujudnya satu badan politik yang unik iaitu Barisan Nasional (BN).

Menurut Perdana Menteri, negara lain juga mempunyai badan seperti BN tetapi keahlian mereka terhad kepada satu kaum sahaja tetapi BN di Malaysia terbuka kepada semua.

“Di Malaysia kita ada satu badan politik BN yang di dalamnya bergabung parti-parti politik pelbagai kaum, kita berunding dan menentukan semua pihak mendapat bahagian mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada

majlis Perdana Menteri Bersama Rakyat di Stadium Mini Pontian, di sini petang ini yang dihadiri oleh lebih 30,000 orang.

Menurutnya, keadaan itu adalah keistimewaan bagi Malaysia walaupun banyak yang berkata bahawa selepas merdeka, negara ini akan menghadapi pelbagai masalah kaum.

Schubungan itu kata Dr. Mahathir, rakyat negara ini harus bersyukur kerana tidak ada di antara mereka yang membuat angkara sehingga boleh merosakkan negara.

Rakyat negara ini jelas beliau, lebih mirip untuk bekerjasama antara satu sama lain, berusaha menjayakan program dan rancangan, menjalankan perusahaan dan perdagangan sehingga Malaysia mendapat tempat istimewa antara negara memban- gun.

“Demikianlah tempat istimewa yang kita dapat sehingga banyak negara besar mengatakan Malaysia tidak boleh diberi pinjaman dan pertolongan lagi kerana kita mampu mengendalikannya negara,” katanya.

Perdana Menteri menjelaskan bahawa kepimpinan BN amat bertuah kerana penduduk berbilang kaum dapat memahami betapa pentingnya susunan politik dalam menyatukan kaum-kaum di negara ini.

Menurutnya, dengan adanya BN, rakyat dapat hidup dalam suasana yang aman dan tenteram berbanding dengan negara lain.

“Bahkan jika ada pem- besar (di negara luar) ber- jalan di mana-mana, me- reka terpaksa dikelilingi tentera kerana menjaga keselamatan tetapi apabila saya di sini, tidak

menggunakan tentera, hanya sedikit polis, ahli- ahli UMNO, BN untuk membuka laluan,” katanya.

Oleh itu kata Dr. Mahathir, perpaduan yang wujud sekarang perlu dikekalkan dan dalam hubungan ini juga beliau yakin Johor yang menjadi jantung hati BN akan terus memberi sokongan kepada BN.

Beliau berkata, penduduk pelbagai kaum di negara ini dapat hidup aman damai, tidak bertelingkah sesama sendiri dan dapat bekerja di mana juga tanpa masalah.

“Di negara lain perselisihan kaum, peperangan, harta benda musnah dibakar, pembunuhan berlaku dan akhirnya kerana setiap kaum cuba mendapatkan keuntungan untuk diri sendiri, tidak ada siapa pun yang berjaya,” jelasnya.